

KE ARAH TRANSFORMASI PENDIDIKAN (PROGRAM ULUL ALBAB) : KAJIAN KES MRSM ULUL ALBAB

1092

Mardhiah Binti Yahaya
mardhiah@kuis.edu.my

Aslam Farah binti Selamat
Pensyarah, KUIS, aslamfarah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Program Ulul Albab (UA) di bawah Majlis Amanaha Rakyat (MARA) merupakan satu proses penambahbaikan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Quranik, Ijtihadik dan Enskiplopedik adalah pendekatan yang diperkenalkan oleh program UA. Penambahbaikan sistem pendidikan ini bertujuan menghasilkan pembentuk sahsiah dan jati diri terhadap generasi ini yang bukan sahaja celik mata tetapi celik hati. Penekanan soal duniawi yang sedia ada dalam pendidikan kini menjadikan soal ukhrawi terabai. Kepincangan dari segi akhlak dan sahsiah diri dari generasi yang bijak pandai merupakan salah satu faktor dari hasil kekurangan sistem pendidikan yang sedia ada. Rentetan ini membuka mata beberapa pihak dan berusaha dalam mentransformasikan pendidikan melalui program UA. Justeru, kertas kerja ini dibina untuk mengenal pasti dan menganalisis corak program UA yang telah diterapkan sebagai satu medium transformasi pendidikan di Malaysia. Persoalannya, adakah program ini berjaya mencapai matlamat dan objektif setelah leih 5 tahun menerajui dunia pendidikan? Kajian ini dilakukan dengan menggunakan reka bentuk kajian kes dan analisis kandungan melalui sumber perpustakaan dalam mencapai objektif.

Kata kunci : *al-Quran, huffaz, tahfidz, KBT, TMUA*

1.0 Pengenalan

Malaysia telah mengalami perubahan demi perubahan dalam sistem pendidikan dalam tempoh beberapa abad. Perubahan ini pastinya mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan mengikut kehendak dan keperluan masyarakat pada zaman tersebut. Apa yang jelas, kepentingan pendidikan agama dalam sektor pendidikan Malaysia sedikit sebanyak terlepas pandang disebabkan penumpuan yang lebih dalam usaha merapatkan jurang perhubungan kaum, kemudian memberi tumpuan terhadap kelahiran generasi yang berinovasi, bijak pandai dan berdaya saing serta menekankan pendidikan sains dan teknologi.

Walaupun bagaimanapun, program j-QAF telah mula diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2005 di sekolah-sekolah rendah. Ia terus diperluaskan pada tahun 2006 sehingga kini bagi

memastikan murid beragama Islam menguasai Al-Quran, Jawi, Bahasa Arab dan Fardu Ain apabila tamat sekolah rendah.(Norhazriah, 2012)

Pada tahun 2010, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah melaksanakan program Ulul Albab (UA) sebagai salah satu usaha dalam mengatasi kemelut pendidikan kini. Program ini diwujudkan bagi merealisasikan misi melahirkan golongan teknokrat huffaz yang bertaraf global sebagai satu sistem pembelajaran yang diberi nilai tambah serta sebagai satu medium transformatif pendidikan Malaysia. Program UA ini berdiri atas 3 ciri iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik.

Oleh sebab itu, penulisan ini adalah bertujuan untuk melihat corak program UA ini berlangsung serta memberi perubahan dalam salah satu usaha mentransformasikan pendidikan di Malaysia.

2.0 Program Ulul Albab.

Abdullah (2006) dalam ucapannya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 15 November 2006, berkata:

GAGASAN KETIGA: membangunkan modal insan; melalui program pendidikan berkualiti dan holistic untuk memperlengkapkan warga Malaysia bagi menghadapi dunia global; disusuli dengan kelahiran masyarakat kreatif dan inovatif yang menjadi komponen kepada barisan warga berfikiran dan berbudaya kelas pertama. Kita memerlukan barisan warga yang menguasai pengetahuan, ilmu, kemahiran dan maklumat.

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal”. (Ali Imran:190).

Ayat ini memperingatkan manusia betapa pentingnya akal. Justeru itu akal manusia perlu dibangunkan. Program pembangunan akal manusia adalah usaha untuk membangunkan masyarakat “Ulul Albab”, merupakan barisan insan yang berupaya menganalisis, menguasai sains, memahami falsafah dan menguasai teknologi. Ayat ini menuntut umat untuk memperlengkapkan minda, agar manusia memiliki keupayaan menghadapi dunia moden. Membangunkan masyarakat Ulul Albab terdiri daripada saintis dan teknologis, usahawan dan teknokrat adalah suatu kewajipan yang membolehkan ummah mendaki tangga kemajuan hingga sampai ke puncak kejayaan. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan prasarana dan membekalkan kemudahan untuk melahirkan masyarakat Ulul Albab.

Rentetan daripada inilah, ungkapan ‘Ulul Albab’ mula menular dan menjadi perhatian dengan memperkasakan pendidikan yang sedia ada kepada penambahan program (UA) seperti yang telah dilakukan di MRSM UA. Istilah UA ini merupakan salah satu tranformasi dua bidang ilmu

iaitu ilmu duniawi (sains) dan ilmu ukhrawi (agama) dalam sistem pendidikan di Malaysia. Tiga ciri iaitu Quranik, Ijtihad dan Ensiklopedia adalah paksi utama program UA yang merupakan sistem pelaksanaan kurikulum, ko-kurikulum dan hafazan al-Quran (Norhazriah, 2012).

3.0 Pendidikan Tahfiz Al-Quran MARA

Selari dengan perkembangan ilmu dan pendidikan yang pesat di Malaysia kini, Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga tidak ketinggalan telah melakukan satu inovasi dengan menerapkan program UA di institusinya. Demi melahirkan golongan profesional yang menghafaz al-Quran, MRSM Kota Putra di Terengganu telah di pilih sebagai tempat yang pertama dilaksanakan program UA yang lahirnya dari idea Dato' Idris Bin Jusoh. MARA telah mengambil inisiatif untuk menggabungkan aliran tahfiz dengan aliran sains tulen yang sedia ada bertujuan agar penggabungan dua aliran ini dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berlatar belakangkan Sains dan Tahfiz al-Quran yang menguasai kemahiran-kemahiran *soft skill* supaya dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor di seluruh dunia (Majlis Amanah Rakyat [MARA], 2014).

Program UA merupakan satu program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk tahfiz al-Quran. Pendidikan tahfiz di institusi MARA telah bertapak hampir lapan tahun di dalam sistem pendidikan MARA. Kini MARA telah memiliki empat MRSM Ulul Albab. MRSM Kota Putra mula ditubuhkan pada tahun 2009 di Besut. Kemudian di susuli dengan MRSM Gemencheh pada 2010, MRSM Kepala Batas pada tahun 2011 dan MRSM Sungai Besar di Selangor pada tahun 2015 (Modul Quranik, 2011).

3.1 Matlamat dan Objektif Pendidikan Tahfiz al-Quran (Program Ulul Albab)

MARA telah meletakkan matlamat kepada program UA untuk melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara serta melahirkan pelajar-pelajar yang berlatar sains dan tahfiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk memenuhi pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti tersohor di seluruh dunia (Modul Quranik, 2011).

Manakala objektif program UA pula ialah yang pertama, melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab serta menguasai kemahiran-kemahiran insaniah dan akademik serta dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Kedua, Melahirkan pelajar-pelajar yang berlatar belakangkan sains dan tahfiz al-Quran yang menguasai kemahiran-kemahiran *soft skill* supaya dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor di seluruh dunia. Manakala yang ketiga, melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menghafaz Al-Quran 30 juzuk dalam tempoh 3 tahun pengajian di MRSM dan membina budaya saintifik al-Quran dengan pendekatan *Information and Communications Technology (ICT)*.

3.2 Kaedah Hafazan MRSM Program Ulul Albab

3.2.1. Kaedah Gundal

Kaedah gundal bermaksud membaca dengan cara mengulang satu-satu *qit'ah* dengan proses pengulangan yang banyak. Ini bertujuan bagi mengekalkan hafazan tersebut supaya tidak mudah lupa atau hilang dari ingatan. Kaedah gundal yang terdapat di dalam Modul Quranik ini, pelajar diwajibkan mengulang sebanyak 48 kali yang dilaksanakan oleh guru untuk menentukan *qit'ah* setiap muka surat. Pelajar dikehendaki mengulang 48 kali setiap *qit'ah* dan dikehendaki menanda dalam rekod hafazan dan seterusnya guru akan menyemak buku rekod hafazan setiap hari (Modul Quranik, 2011).

2. Kaedah Tahriri

Kaedah tahriri pula kaedah yang memerlukan kepada penulisan ayat-ayat hafazan baru di dalam buku rekod tahriri. Selain daripada menguatkan hafazan, kaedah ini juga membantu pelajar mengetahui kaedah penulisan Mushaf Uthmani (*Dab al-Quran*). Ia dilaksanakan oleh pelajar yang telah dibekalkan dengan buku tahriri. Para pelajar diberi tugas menulis semula ayat al-Quran di dalam buku tahriri penulisan sebelum di *tasmi'* oleh guru. Kemudian guru akan menyemak semula tulisan yang telah ditulis oleh pelajar (Modul Quranik, 2011).

3. Kaedah Murajaah

Kaedah ini merupakan proses pengulangan yang harus dibuat oleh para pelajar di MRSM UA. Ini bertujuan untuk mengekalkan dan mengukuhkan ayat al-Quran yang telah dihafaz di dalam ingatan. Kaedah *murajaah* al-Quran terdapat dua bahagian iaitu mengulangi hafazan yang baru (*sabaq*) dan mengulangi hafazan yang lama (Modul Quranik, 2011).

- Kaedah *Murajaah Sabaq* (KMS)

Kaedah ini digunakan oleh pelajar untuk mengulangi ayat yang sudah di *tasmi'* satu hari sebelum bertemu dengan guru pada waktu yang ditetapkan.

- Kaedah *Murajaah Manzil* (KMM)

Kaedah ini digunakan oleh pelajar untuk mengulangi 1 hingga 3 juz pada masa yang sesuai. Ia dilaksanakan bersama pasangan masing-masing secara bergilir-gilir.

Modul Program UA ini berdiri di atas 3 elemen penting iaitu yang pertama Quranik. Ia merujuk kepada kemampuan pelajar menghafaz 30 juz ayat suci al-Quran serta memahaminya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) (Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas [MRSM], 2016). Aktiviti quranik berjalan di dalam kelas melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara formal dan informal. Pelajar akan di bahagikan mengikut

beberapa kumpulan dari kelas akademik yang sedia ada. Seterusnya pelajar akan diserahkan kepada guru hafazan untuk melakukan aktiviti tersebut selama 1 jam.

Manakala yang kedua ialah Ensiklopedik iaitu ciri-ciri pelajar yang berpengatahuan tinggi yang mampu menjadi sumber rujukan masyarakat serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Aktiviti yang diwujudkan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri ini ialah mengadakan kelas Bahasa Jepun, Bahasa Mandarin Dan Bahasa Arab. Selain itu juga, menyediakan pelajar-pelajar kemudahan ICT yang mencukupi, lengkap dan terkini. Selain itu juga, memberikan kemahiran-kemahiran asas seperti Kemahiran Asas Tingkatan 1 (KAT 1), Kemahiran Amalan Belajar (KAB) dan Kursus Kemahiran Berfikir (KKB). Setiap aktiviti-aktiviti ini diperkasa oleh guru-guru untuk menghasilkan produk yang berkualiti mengikut objektif dan matlamat MRSM UA.

Ijtihadik pula elemen yang ketiga iaitu melatih pelajar untuk mampu berkeupayaan menyumbang idea yang bernas, membuat penyelesaian masalah, menginovasikan dengan memaksimumkan keupayaan berfikir dengan kreatif dan kritis serta berteknologi tinggi. Aktiviti yang sesuai untuk mencapai hasrat ini ialah dengan mewujudkan kelab-kelab berteknologi tinggi seperti avionik, robotik dan solar. Selain dari itu, Aktiviti ko-kurikulum bagi memantapkan sahsiah, perkembangan minda dan fizikal para pelajar seperti memanah, berkuda dan berenang. Begitu juga aktiviti keusahawanan bertujuan melahirkan pelajar yang mampu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

4.0 Transformasi Pendidikan Tahfiz

Globalisasi, liberasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi merupakan cabaran terhebat dalam perubahan dan perkembangan dalam sistem pendidikan. Perubahan demi perubahan berlaku sehinggalah pada awal abad ke-21 ini (Norhazriah, 2012). Malaysia telah melakukan banyak usaha bagi memastikan taraf pendidikan berkualiti mencakupi semua bidang dan aspek kehidupan.

Kualiti pendidikan adalah bergantung kepada keadaan dan kandungan kurikulumnya. Ini kerana pengakhiran sesuatu pendidikan itu bukan dalam diri pelakunya tetapi merupakan satu jalan untuk sampai ke matlamat. Maka, sebagai sebuah negara Islam, sewajarnya Malaysia meletakkan matlamat pendidikan selari dengan tuntutan Islam isitu menjadi seorang hamba Allah yang taat dan alim.

Fungsi pendidikan itu menukarkan sifat semula jadi seseorang pelajar ke arah yang betul dan membentuk mereka berjaya bukan sahaja dalam akademik malah cemerlang dari segi mental, fizikal, budaya, akhlak. Hasil dari pembetulan ini mereka akan berfikir, merancang dan bertindak menurut kehendak pencipta Allah swt. (Afzalur Rahman, 1990;107).

Keruntuhan akhlak dan moral semakin hari semakin berleluasa dan populasi keterlibatannya terdiri dalam golongan belia muda mudi Islam. Hal ini jelas membuktikan

terdapat barah yang menular di dalam sistem pendidikan Malaysia dan cabaran ini menuntut kepada perubahan dan penambahbaikan dalam sistem yang ada sekarang.

Menyedari kepada cabaran dan godaan dunia globalisasi yang menghimpit kin, Malaysia mula buka mata dan menyedari hakikat sistem pendidikan sebelum ini gagal menyediakan pendidikan yang sewajarnya kepada individu dan masyarakat yang mengikut syariat Islam, maka telah sampai masanya kembali kepada kitab suci al-Quran dan al-sunnah sebagai sumber rujukan utama yang jelas ketepatan dan kebenarannya dari mengikut kepada pendidikan asing.

Kerajaan dan pihak-pihak yang prihatin mula mengambil inisiatif dan usaha mentransformatifkan pendidikan agar seimbang di antara pendidikan tabii dan agama atas desakan kesedaran terhadap sistem pendidikan yang telah mencorakkan pembentukan akhlak dan jati diri muda mudi.

MARA mengambil peluang ini dengan memgusahakan salah satu proses memperkasa pendidikan hasil dari tuntutan perubahan yang sewajarnya di dalam sistem pendidikan Malaysia. Pemerkasaan ini merupakan nilai tambah dalam sistem pembelajaran yang sedia ada yang juga dikenali sebagai program UA. Program ini menerapkan al-Quran sebagai budaya dalam teras pembelajaran dengan menggabungkan sitem pendidikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Ia mula diperkenalkan di beberapa MRSM UA iaitu di Kota Putra, Terengganu, Gemencheh, Negeri Sembilan dan Kepala Batas, Pulau Pinang, Sungai Besar, Selangor

Pembaharuan dalam dunia pendidikan ini iaitu program UA jelas menunjukkan mendapat sambutan yang positif daripada pelbagai pihak dan masyarakat. Jumlah permintaan kemasukkan ke sekolah program UA sangat tinggi. Jumlah pelajar yang telah tamat pengajian juga telah mula memenuhi institusi pengajian tinggi bukan salah di Malaysia malah juga di luar negara. Ini jelas membuktikan pelajar-pelajar lepasan UA ini berjaya dengan cemerlang dalam pengajian mereka. Mereka sangat cemerlang dalam bidang akademik, namun dalam bidang hafazan mereka berada dalam tahap yang sederhana (Mardhiah, 2017). Hal ini juga perlu dipandang serius agar budaya menubuhkan sekolah tahfiz yang semakin meluas kini di Malaysia bukan hanya untuk memenuhi kehendak beberapa pihak dan masyarakat tetapi demi memelihara kemuliaan kalam Allah.

5.0 Penutup

Perkembangan dan perubahan telah banyak berlaku di dalam sistem pendidikan Malaysia. Hasil dari laporan-laporan dari dada akhbar dan internet telah mendedahkan maklumat lepas, semasa dan terkini memberikan bukti berkaitan dengan hal ini. Jelas di sini bahawa banyak pihak yang telah berusaha dalam memajukan dan mentarnsformasikan pendidikan negara.

Susulan dari perkembangan ini, sebahagian pihak mula menyedari akan kepentingan gandingan di antara kedua-dua bidang ilmu iaitu duaniwi dan ukhrawi di dalam sistem pendidikan. Antaranya ialah wujudnya program UA. Dengan itu, penerapan nilai-nilai murni

terhadap jati diri muda mudi secara mendalam mudah dilaksanakan. Kesedaran ini bermula apabila keruntuhan moral dan akhlak belia muda mudi menjadi semakin parah.

Usaha ke arah memartabat dan menitik beratkan soal pendidikan agama (al-Quran) mula menampakkan usaha hasil kesan perubahan dan perkembangan dalam sistem pendidikan terhadap pembentukan akhlak dan jati diri belia yang dikatakan berkait rapat dengan permasalahan keruntuhan akhlak dan moral. Oleh itu, pelaksanaan program UA yang semakin bercambah dan mula subur dalam sistem pendidikan Malaysia dengan semakin banyak wujudkan program UA seperti di sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sekolah di bawah Jabatan Agama Islam Negeri.. Justeru, pendidikan merupakan perkara yang sangat penting untuk memimpin kehidupan manusia, maka segalanya falsafah dan dasarnya mesti berpunca dari al-Quran. tujuan utamanya pendidikan bersumberkan al-Quran adalah untuk melahirkan insan yang baik dan beriman supaya mereka akan mengecapi kehidupan yang sejahtera dan kebahagiaan di akhirat. (Hamid, 1990)

Rujukan

- Abdullah A.B (2006). Ulul Albab. Ucapan Perdana Menteri.
Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas. (2016). *Diari Perancangan 2016*. Kepala Batas: Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas.
Mardhiah Yahaya (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA*. (Tesis Sarjana) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Modul Quranik. (2011). Bahagian Pendidikan Menengah.
Norhazriah Mohamed @ Ismail2. 2012. Program Ulul Albab Suatu Proses Tranformasi Pendidikan Malaysia: Kajian Kes Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu. Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5).
Muhammad Hamid. (1990). *Menuju ke arah kurikulum Islam*. Hlm 3